

23/09/2003

Langkah bantu kembangkan industri lumpuh

Karim Sulaiman; Hatipah Ahmad

KERAJAAN Rabu lalu, menetapkan harga siling seunit bagi cakera padat (CD) antara RM21 hingga RM29 dan cakera padat video (VCD) pada harga RM14, berkuat kuasa mulai 1 Januari tahun depan.

Langkah itu, adalah di antara usaha kerajaan untuk membanteras kegiatan cetak rompak dan memberi peluang kepada pengguna mendapatkan album tulen pada harga munasabah.

Keputusan itu mendapat reaksi berbeza daripada pelbagai pihak. Pengguna dan persatuan pengguna mengatakan harga itu masih boleh diturunkan. Mereka yang terbabit dalam industri hiburan dan muzik pula mendakwa ia terlalu murah.

Berikutan itu, mereka membuat bantahan terhadap harga berkenaan dan meminta kerajaan mengkajinya semula.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pula bertegas bahawa kerajaan tetap dengan keputusan itu.

Cadangan untuk mengawal harga kaset, CD, VCD dan cakera video digital (DVD) dibuat Kabinet pada 25 Jun lalu yang memutuskan untuk mengawal harga bahan itu sebagai usaha terbaru menyekat kegiatan cetak rompak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, ketika mengumumkan perkara itu, berkata peraturan itu akan dikuat kuasa mengikut Akta Kawalan Harga 1946, pada waktu terdekat atau selewat-lewatnya sebelum akhir tahun ini.

Kerajaan terpaksa campur tangan dalam penentuan harga bahan cakera optik itu bagi mengembangkan industri hiburan yang dikatakan lumpuh akibat kegiatan cetak rompak. Selain itu, ia bagi melindungi hak pengguna mendapatkan barang tulen pada harga berpatutan.

Keputusan itu juga dibuat selepas industri muzik, filem dan pemilik hak cipta memberi sambutan dingin terhadap nasihat kerajaan dan desakan orang ramai supaya menurunkan harga bahan berkenaan.

Kabinet percaya campur tangan kerajaan dalam penentuan harga bahan cakera optik dan perisian komputer dapat menyelesaikan masalah harga bahan berkenaan yang dikatakan penyebab utama pengguna membeli barang cetak rompak.

Isu cetak rompak mendapat perhatian kerajaan, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pihak berkuasa, khususnya polis, mengadakan operasi berterusan bagi memerangi CD dan VCD cetak rompak serta lucah.

Abdullah turut menyarankan syarikat rakaman mempertimbangkan secara serius untuk mengurangkan harga CD dan VCD bagi membolehkan lebih ramai orang membelinya.

Bagaimanapun, saranan itu tidak mendapat reaksi positif pihak terbabit.

Berikutan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengadakan perjumpaan dengan 60 pengusaha dalam industri muzik, filem serta pemilik hak cipta pada 3 Julai ini untuk mendapatkan maklumat harga bahan itu di pasaran sebelum menguatkuasakan peraturan berkenaan.

Selain itu, kementerian akan mengadakan kajian sendiri untuk menentukan mekanisme harga yang berpatutan untuk kaset, CD, VCD, DVD dan perisian cetak rompak.

Kajian itu penting untuk memastikan maklumat yang diberikan industri hiburan dan pengeluaran perisian komputer adalah benar. Kita juga akan mengkaji kos yang terbabit dengan pengeluaran bahan cakera optik termasuk kos pengangkutan, penyimpanan dan bayaran royalti kepada karyawan.

Mengikut Seksyen 4 Akta Kawalan Harga 1946, kementerian mempunyai kuasa menetapkan harga maksimum atau siling bagi barang yang harganya dikawal.

Mereka yang melanggar peraturan itu boleh didenda sehingga RM25,000 dan penjara dua tahun atau kedua-duanya.

